

UM rancang strategi tingkat *ranking*

Um - 10/10/2006

Oleh SHAMSIAH ZULKAFLI

BANGI 9 Okt. - Kementerian Pengajian Tinggi merancang memajukan beberapa pusat kecemerlangan di Universiti Malaya (UM) yang merangkumi bidang sains, perubatan, sastera dan kemanusiaan bagi meningkatkan kedudukannya dalam *ranking* akademik universiti dunia.

Menterinya, Datuk Mustapa Mohamed berkata, rancangan itu masih dibincangkan secara mendalam bersama pihak UM.

"Sebelum ini pun, saya telah bercakap dan bersemuka dengan pihak UM sebanyak dua kali.

"Pihak UM juga akan mengusulkan beberapa cadangan lain kepada pihak kementerian dalam masa terdekat," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Penerapan Nilai-Nilai Islam Hadhari Dalam Sistem Pendidikan Negara di sini, hari ini.

Hadir sama, Penasihat Agama Perdana Menteri, Tan Sri Abdul Hamid Othman.

Mustapa turut menekankan kepentingan penubuhan kumpulan yang dianggotai golongan profesor universiti dan tokoh-tokoh Islam Hadhari sebagai satu platform diaog bagi mendalami lagi pemahaman masyarakat Malaysia tentang konsep tersebut.



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA